



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 72  
No. 3

**31hb Januari 2019**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

**No. 126.**

## WARKAH PELANTIKAN JEMAAH PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN

Kita Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi Negeri dan Jajahan Perak Darul Ridzuan dan segala Takluknya.

Kepada yang Kita turunkan amanah dan tanggungjawab:

1. Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa, (Pengerusi)
2. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Dato' Seri DiRaja Tan Sri (Dr.) Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin (Bersara), (Ahli)
3. Orang Kaya Kaya Seri Agar DiRaja, Dato' Seri Diraja Tan Sri Haji Ramli bin Ngah Talib, (Ahli)

Semoga senantiasa mendapat petunjuk dan rahmat ILAHI;

Bahawasanya mengikut Perkara XV Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, berhak dan berkuasalah Kita sebagai Sultan, Yang di-pertuan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Perak Darul Ridzuan, melantik melalui Warkah Titah Perintah yang ditandatangani oleh Kita dan dicap dengan Mohor Kerajaan, seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja mengikut sebagaimana yang terlebih berfaedah pada timbangan Kita.

Oleh itu ketahuilah, Kita dengan menggunakan hak dan kuasa mengikut kehendak Perkara XV Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, melalui warkah ini yang mengandungi tandatangan Kita dan dicap dengan Mohor Kerajaan melantik Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan terdiri daripada:

1. Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa, (Pengerusi)
2. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Dato' Seri DiRaja Tan Sri (Dr.) Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin (Bersara), (Ahli)
3. Orang Kaya Kaya Seri Agar DiRaja, Dato' Seri Diraja Tan Sri Haji Ramli bin Ngah Talib, (Ahli)

Mulai 3 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 11 November 2018 dengan mempunyai segala Kuasa, Hak Kebebasan, Faedah dan Tanggungan yang tertentu bagi jawatan itu.

Maka mulai hari yang tersebut, berhaklah Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan menjalankan sekalian kuasa dan pemerintah yang terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan serta mengikut Perintah-Perintah yang diterima ataupun yang akan diterima daripada Kita kelak.

Dan lagi inilah Kita memerintahkan sekalian Raja Bergelar, Waris Negeri, Kaum Kerabat, Hamba Tua Orang Besar Perak, Pegawai Kerajaan dan rakyat Kita yang dikasih yang ada di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan ini dan sekalian mereka yang lain yang bersangkutan dengan perkara ini supaya mengambil tahu hal ini dan mengikut dengan taatnya.

Termaktub di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar pada 2 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 10 November 2018 bersamaan Tahun Keempat Kita di atas Takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

## No. 127.

SUMPAH JEMAAH PEMANGKU RAJA

BISMILLAHU RAHMANI RAHIM

Adalah Saya RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN, RAJA JAAFAR IBNI ALMARHUM RAJA MUDA MUSA telah diperkenankan dan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, sebagai PENGURUSI JEMAAH PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN bersumpah dengan lafaz WALLAHI, WABILLAHI, WATALLAHI, bahawa saya mengaku akan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan pada saya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan dengan adil dan jujur serta mengikut hukum Allah Subhanahu Wata'ala.

RAJA JAAFAR IBNI ALMARHUM RAJA MUDA MUSA

Di hadapan saya

YANG ARIF DATO' HASHIM BIN HAMZAH  
Hakim Utama Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak

DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR  
2 Rabiulawal 1440 Hijrah  
Bersamaan 10 November 2018

**No. 128.**

SUMPAH JEMAAH PEMANGKU RAJA  
BISMILLAH RAHMANI RAHIM

Adalah Saya Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Dato' Seri Di Raja Tan Sri (Dr.) Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin telah diperkenankan dan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, sebagai AHLI JEMAAH PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN bersumpah dengan lafaz WALLAHI, WABILLAHI, WATALLAHI, bahawa saya mengaku akan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan pada saya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan adil dan jujur serta mengikut hukum Allah Subhanahu Wata'ala.

JENERAL DATO' SERI DI RAJA TAN SRI (DR.) MOHD. ZAHIDI BIN  
HAJI ZAINUDDIN

Di hadapan saya

YANG ARIF DATO' HASHIM BIN HAMZAH  
Hakim Utama Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak

DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR  
2 Rabiulawal 1440 Hijrah  
Bersamaan 10 November 2018

No. 129.

SUMPAH JEMAAH PEMANGKU RAJA

BISMILLAHİ RAHMANI RAHİM

Adalah Saya Orang Kaya Kaya Seri Agar DiRaja, Dato' Seri DiRaja Tan Sri Haji Ramli bin Ngah Talib telah diperkenankan dan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, sebagai AHLI JEMAAH PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN bersumpah dengan lafaz WALLAHI, WABILLAHI, WATALLAHI, bahawa saya mengaku akan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan pada saya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan adil dan jujur serta mengikut hukum Allah Subhanahu Wata'ala.

DATO' SERI DIRAJA TAN SRI HAJI RAMLI BIN NGAH TALIB

Di hadapan saya

YANG ARIF DATO' HASHIM BIN HAMZAH  
Hakim Utama Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak

DI ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR  
2 Rabiulawal 1440 Hijrah  
Bersamaan 10 November 2018

No. 130.

WATIKAH

PENGISYTIHARAN PELANTIKAN

JEMAAH PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN

Bismillahi Rahmani Rahim

Bahawasanya adalah diperuntukkan oleh Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan bahawa Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan (Timbalan Yang di-Pertuan Agong) hendaklah menjalankan fungsi-fungsi serta mempunyai keistimewaan-keistimewaan Yang di-Pertuan Agong pada bila-bila masa Yang di-Pertuan Agong tidak berupaya untuk menjalankan fungsi-fungsi jawatan itu kerana gering, tiada dalam Persekutuan atau kerana apa-apa sebab lain:

Dan Bahawasanya Yang di-Pertuan Agong tidak berupaya untuk menjalankan fungsi-fungsi jawatan itu kerana Baginda tiada di dalam Persekutuan.

Maka dengan penentuan Allah Subhanahu Wataala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, pada hari Jumaat, 24 Safar 1440 Hijrah bersamaan 2 November 2018 telah diisytharkan mula menjalankan fungsi-fungsi jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Semoga Allah Subhanahu Wataala akan melimpahkan hidayat dan petunjuk kepada Baginda. Semoga Baginda dilimpahkan berkat dan rahmat daripada-nya juga.

#### OLEH YANG DEMIKIAN, KETAHUILAH SEKALIAN

Bahwasanya menurut Perkara XV Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Jikalau terjadi Raja Pemerintah itu tidak hadir dalam Negeri ini selama lebih daripada tiga puluh hari atau jikalau Baginda akan dipilih bagi jawatan Yang di-Pertuan Agong atau menjalankan kuasa Yang di-Pertuan Agong bagi satu tempoh yang melebihi 15 hari, maka hendaklah Baginda melantik dengan Surat Perintah ditandatangani Baginda dan dicap Mohor Kerajaan seorang Pemangku Raja atau satu Jemaah Pemangku Raja mengikut sebagaimana yang terlebih berfaedah pada timbangan Baginda.

Bahwasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Perak Darul Ridzuan, pancuran semua kemuliaan dan Darjah-Darjah Kebesaran berhak dan berkuasa melantik melalui Warkah Titah Perintah yang ditandatangani oleh Baginda dan dicap dengan Mohor Kerajaan seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja bersabit dengan pengisytiharan Baginda menjalankan fungsi-fungsi Yang di-Pertuan Agong.

Maka, bagi menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, adalah saya dengan ini memasyhurkan kepada seluruh rakyat jelata, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan menggunakan hak-hak dan kuasa Baginda sebagai Sultan, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi Negeri dan Jajahan Perak Darul Ridzuan dan segala Takluknya mengikut kehendak Perkara XV Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, berkenan melantik Jemaah Pemangku Raja terdiri daripada:

1. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan,  
Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa (Pengerusi)
2. Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja,  
Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin  
(Bersara), (Ahli)
3. Yang Berbahagia Orang Kaya Kaya Seri Agar DiRaja,  
Dato' Seri DiRaja Tan Sri Haji Ramli bin Ngah Talib (Ahli)

Dengan pangkat gelaran kemuliaan Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa 3 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 11 November 2018.

Maka mulai hari yang tersebut, Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan itu hendaklah dengan nama Raja Pemerintah menggunakan semua milik Raja dan menyempurnakan semua tanggungan Raja Pemerintah dan hendaklah berhenti mengikut kehendak Perkara XVII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Darul Ridzuan.

Mudah-mudahan dengan kurniaan pelantikan ini akan bertambah-tambahlah taat setianya Jemaah Pemangku Raja terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan serta bertambah teguh azam Jemaah Pemangku Raja mengawasi kesucian agama Islam dan segala Adat Istiadat Melayu dengan keredaan Allah Subhanahu Wataala.

DAULAT

DAULAT

DAULAT

**Hakcipta Pencetak (H)****PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA